

19/08/1997

Larian Bendera masuki Sarawak

PADANG BESAR, Isnin - Larian Bendera sejauh 4,600 kilometer yang merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang bermula 5 Ogos lalu kini sudah memasuki Sarawak.

Acara itu disertai kira-kira 50,000 rakyat bermula dari tiga lokasi iaitu di Tawau (Sabah), Padang Besar (Perlis) dan Rantau Panjang (Kelantan) dan berakhir di Kuala Lumpur pada 30 Ogos ini.

Larian di Sabah bermula 5 Ogos lalu kini sudah memasuki Sarawak sebelum bendera diserahkan kepada pelari di Johor manakala larian dari Padang Besar dan Rantau Panjang dijalankan serentak pagi ini.

Seramai 11 pelari bergilir-gilir berlari mengibarkan bendera Malaysia bagi setiap satu kilometer dalam larian itu yang berakhir di Kuala Lumpur.

Urusetia Larian Bendera Peringkat Kebangsaan, Datuk Ong Ka Ting, berkata bendera yang dibawa dari Sabah dan Sarawak, Utara dan Pantai Timur itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka pada jam 12 malam hari berkenaan.

"Kalau dikira bilangan mereka yang mengambil bahagian dari lokasi permulaan, jumlah yang menyertai Larian Bendera adalah yang terbesar berbanding tahun-tahun lalu.

"Larian itu bertujuan supaya rakyat sentiasa mengenang perjuangan mencapai kemerdekaan, bersatu padu dan mengutamakan semangat KeMalaysiaan," katanya.

Beliau menghadiri Majlis Pelancaran Larian Bendera oleh Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim di pekarangan tempat letak kereta Kompleks Bersepadu Imigresen/Kastam di sini, pagi ini.

Kira-kira 250 peserta, termasuk Shahidan, Ong, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua dan kakitangan jabatan kerajaan dan swasta serta pelajar berlari sejauh dua kilometer sebelum menyerahkan bendera kepada kumpulan kedua.

Pada majlis itu, seorang anggota tentera, Nasir Abas, 42, dari 6 Workshop Briged Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, Kedah akan berlari dari sini hingga ke Kuala Lumpur.

Sementara itu, Shahidan berkata, kira-kira 2,000 penduduk negeri ini terbabit dalam larian sejauh 51 kilometer dari sini hingga ke sempadan Perlis-Kedah di Sanglang.

Bendera itu kemudian diserahkan oleh Pengerusi Larian Bendera negeri, Yazid Mat, yang juga Exco Kebudayaan, Pelancongan, Belia dan Sukan kepada Speaker Kedah, Datuk Zainol Md Isa, petang ini.

(END)